

# OPR rendah rangsang keuntungan syarikat

## Penurunan boleh beri pulangan memuaskan pengurus dana institusi

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Alzahrin Alias  
bhbiz@bh.com.my

Penurunan kadar dasar semalaman (OPR) membolehkan kos pinjaman oleh badan korporat dan institusi perbankan akan menjadi lebih murah, sekali gus menjana keuntungan lebih tinggi.

Jika ini berlaku, pendapatan dan keuntungan perniagaan akan kembali pulih dan syarikat mampu memberi pulangan dividen yang tinggi, lantas memberi pulangan yang memuaskan untuk pengurus dana institusi seperti Permodalan Nasional Bhd (PNB), Lembaga Tabung Haji (TH), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan dana amanah lain.

Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Yusof Saari, berkata penurunan kadar OPR secara teorinya bermakna kos pinjaman oleh badan korporat dan institusi perbankan akan menjadi lebih murah.

"Apabila kos pinjaman lebih

murah, keuntungan akan lebih tinggi. Justeru, keuntungan yang lebih besar bermakna jumlah dividen akan lebih tinggi.

"Namun, perlu diingat bahawa jumlah sebenar dividen akhirnya akan ditentukan pengurusan institusi pengurus dana yang terbabit," katanya kepada BH.

Mohd Yusof berkata, persekitaran kadar faedah rendah secara umumnya adalah untuk menggalakkan perbelanjaan isi rumah.

"Penurunan kadar faedah sebenarnya untuk menggalakkan isi rumah berbelanja kerana dalam keadaan kadar faedah rendah, lebih baik mereka memegang 'wang tunai' di tangan daripada menyimpan.

"Jika isi rumah mempunyai wang tunai yang banyak, mereka boleh membeli aset dalam bentuk fizikal seperti rumah, tanah dan lain-lain," katanya.

Bagi menyeimbangkan tabung dan perbelanjaan, beliau berkata, ia bergantung kepada tingkat sosio-ekonomi sesebuah isi rumah.

"Bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana, penurunan kadar OPR memberi sedikit kelegaan kerana mereka membayar kos pinjaman lebih murah.

"Bagi mereka yang berpendapatan tinggi pula, penurunan kadar faedah membolehkan mereka beralih daripada menyimpan di institusi kewangan kepada pelaburan atau pembelian aset berbentuk fizikal," katanya.

Penganalisis Kanan Perbankan MIDF Research, Imran Yassin Yusof, pula menjelaskan, impak penurunan OPR perlu dibezakan antara kadar deposit tetap dan kadar pulangan pengurus dana pelaburan.

Beliau berkata,



**Kami berpendapat penurunan kadar OPR adalah langkah pencegahan impak negatif daripada wabak COVID-19.**

Imran Yassin Yusof,  
Penganalisis Kanan  
Perbankan MIDF Research

pelaburan yang dilakukan melalui unit amanah dan tabung simpanan akan digunakan untuk melabur aset seperti sukuk, bon, pasaran wang, pasaran saham dan sebagainya.

"Oleh itu, kadar pulangan mereka akan ditentukan oleh prestasi aset pelaburan berkenaan. Kesan penurunan kadar OPR adalah lebih kepada kadar simpanan dan kadar pinjaman di institusi kewangan.

"Kami berpendapat bahawa penurunan kadar OPR baru-baru ini adalah sebagai langkah pencegahan impak negatif daripada wabak COVID-19. Ia juga boleh dikatakan sebagai langkah untuk memberi sokongan kepada ekonomi negara. Buat masa terdekat ini adalah penting untuk memberi sokongan kepada ekonomi negara seperti menjana permintaan domestik.

"Namun, pengguna juga boleh mempelbagaikan simpanan mereka dengan mela-



**Secara teori, penurunan OPR akan menggalakkan rakyat dan peniaga untuk mendapatkan pinjaman.**

Ahmed Razman Abdul Latiff,  
Pengurus Pembangunan  
Perniagaan PBS

bur di dalam aset pelaburan lain," katanya.

Imran berkata, kadar faedah yang rendah di negara lain seperti Amerika Syarikat (AS) dan Jepun boleh dikatakan memberi impak positif kepada pasaran saham negara terbabit.

Sementara itu, Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata penurunan OPR merujuk kepada kadar faedah rendah untuk simpanan dan pinjaman, yang mana secara teorinya, ia akan menggalakkan rakyat dan peniaga untuk mendapatkan pinjaman.

"Jika ini berlaku, pendapatan dan keuntungan perniagaan akan kembali pulih dan syarikat mampu memberi pulangan dividen yang tinggi, sekali gus memberi pulangan yang memuaskan untuk PNB, TH, KWSP dan dana amanah lain," katanya.

**Apabila kos pinjaman lebih murah, keuntungan akan lebih tinggi. Justeru, keuntungan yang lebih besar bermakna jumlah dividen akan lebih tinggi.**

Mohd Yusof Saari,  
Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UPM

